

NOVEL REPUBLIK NUSA: PROSES KAJIAN, PENULISAN  
DAN ADAPTASI SURAH AL-KAFIRUN

AHMAD SHAZWAN BIN MD YUSOF

2009362189

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA  
TEKNOLOGI KREATIF (KEPUJIAN) PENULISAN ARTISTIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

2012

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapatlah saya menyiapkan projek akhir latihan ilmiah sarjana muda ini dengan sempurna. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibubapa saya yang memberikan sokongan padu yang tidak berbelah bagi, dan tidak lupa juga kepada penyelia saya iaitu Encik Abdul Ghafar Bin Ibrahim yang banyak membantu dari segi bimbingan, tunjuk ajar, sumbangan idea, dan juga nasihat yang berharga di dalam membimbing saya untuk menyiapkan tugas latihan ilmiah ini. Seterusnya sekalung ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada pensyarah – pensyarah di Jabatan Penulisan Artistik yang banyak memberikan didikan dan tunjuk ajar. Tidak lupa juga kepada rakan – rakan yang turut menyumbangkan idea untuk saya siapkan latihan ilmiah ini. Dan seterusnya, ucapan penghargaan terima kasih ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan Novel Republik Nusa: Proses Kajian, Penulisan Dan Adaptasi Surah Al-Kafirun. Jasa baik anda hanya Tuhan sahaja yang mampu membalasnya.

Ahmad Shazwan bin Md Yusof  
Fakulti Filem, Teater & Animasi  
Universiti Teknologi Mara  
Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

WASSALAM

## ABSTRAK

Kajian ini membentangkan mengenai penggunaan teknik *loose adaptation* melalui karya Ahmad Shazwan Md Yusof iaitu *Republik Nusa*. Sasaran kajian adalah bagi memastikan jalan cerita yang dipersembahkan dalam novel Ahmad Shazwan Md Yusof secara menyeluruh menerusi salah satu dari tiga teknik adaptasi, *loose adaptation*. Kajian ini turut mencari perbezaan antara karya *Republik Nusa* yang dihasilkan inspirasi dari surah al-Quran, surah al-Kafirun. Menerusi kajian ini akan menjurus kepada kesetiaan (*fidelity*) penulis dalam penulisan novel dari surah dan mengkaji sejauh mana *fidelity* itu mempengaruhi penulisan novel oleh Ahmad Shazwan Md Yusof. Dalam masa yang sama, kajian ini akan menyelidik penggunaan *fixed language* dan *unfixed language* dari surah diterjemahkan ke dalam karyanya. Kajian menggunakan kaedah kualitatif sebagai pola kajian dengan menganalisis isi kandungan sebagai objek untuk mengulas filem ini. Salah satu kaedah yang digunakan adalah menganalisis isi kandungan filem.

## KANDUNGAN

Perkara	Halaman
<b>PENGESAHAN</b>	i
<b>TAJUK</b>	ii
<b>PENGAKUAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	v

### BAB 1 PENDAHALUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Objektif Kajian	5
1.2 Penyataan Masalah Kajian	5
1.3 Skop Kajian	6
1.3.1 Republik Nusa	6
1.3.2 Surah al-Kafirun	7
1.4 Signifikasi Kajian	7
1.5 Kesimpulan	8

### BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	9
2.1 Adaptasi	9
2.1.1 <i>Close Adaptation</i>	12
2.1.2 <i>Intermediate Adaptation</i>	12

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Budaya membaca telah lama diperaktikkan dikalangan masyarakat di Malaysia. Ianya meliputi pembacaan bahan ilmiah sehinggalah bacaan ringan. Antara bahan bacaan yang menjadi pilihan adalah seperti akhbar, majalah, novel, buku dan sebagainya. Selain itu, sumber pembacaan ini boleh diperolehi dari laman sesawang dimana pelbagai maklumat disediakan untuk pengguna dan ianya juga mudah dicapai. Disebalik kemajuan sains dan teknologi, novel masih lagi menjadi bahan bacaan ‘klasik’, dimana pembaca masih perlu membelinya bagi membaca bahan bacaan ini. Di Malaysia, lambakan novel boleh didapati baik di toko-toko buku besar sehinggalah ke kedai runcit kecil di seluruh negara. Ia